

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR & JARINGAN KOMUNITI (HEP)

KEPADA : Siswa/Siswi
Universiti Selangor (UNISEL)

DARIPADA : Penolong Pendaftar PPJK (HEP)

TARIKH : 10 Oktober 2017



SERAHAN DOKUMEN PERJANJIAN PINJAMAN PTPTN BERTARIKH 06/10/2017

Tahniah kepada Siswa/Siswa yang telah menerima kelulusan PTPTN dan telah menerima **SURAT TAWARAN PTPTN BERTARIKH 06/10/2017** (tarikh tutup Permohonan Online PTPTN pada 30/09/2017).

Sila muat turun dan lengkapkan dokumen PTPTN mengikut Panduan dan Peraturan Am Mengisi Surat Tawaran Pembiayaan dan Dokumen Perjanjian PTPTN yang terdapat dalam laman web www.ptptn.gov.my.

Pelajar boleh menghantar Perjanjian PTPTN di mana-mana cawangan PTPTN berhampiran anda dalam tempoh 14 hari daripada 06/10/2017. Pejabat HEP juga akan membuat kutipan dan butiran adalah seperti berikut :

TARIKH SERAHAN : 16/10/2017 hingga 19/10/2017

MASA : 9.30 Pagi - 4.30 Petang (Waktu Pejabat)

TEMPAT : Pejabat HEP di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya

DOKUMEN YANG PERLU DILENGKAPKAN :

1. 2 Set Dokumen Perjanjian berserta **SETEM HASIL** RM10.00 x 2 keping (**BOLEH DI DAPATI DI PEJABAT POS**) dan **SETEM TIDAK PERLU DIMATIKAN.**
2. 1 Salinan Surat Tawaran Kemasukan UNISEL (Sila rujuk dokumen semakan).
3. **SAKSI** adalah terdiri daripada Semua Pegawai Kerajaan Gred A/Kumpulan A dan ke atas di Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Negeri/Pejabat Persekutuan dan Negeri/Pejabat Daerah/IPTA/Sekolah (Pengetua dan Guru Besar sahaja) atau Pegawai-Pegawai UNISEL yang mendapat kebenaran bertulis daripada PTPTN.

PERINGATAN :

TARIKH PENYERAHAN DOKUMEN PTPTN ADALAH DALAM TEMPOH 14 HARI DARI TARIKH SURAT TAWARAN PTPTN.

Kelewatan pemulangan perjanjian pelajar boleh menyebabkan tawaran perjanjian tersebut terbatal. Pelajar perlu membuat permohonan baharu sekiranya masih berminat untuk mendapatkan pinjaman PTPTN.